

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 19, 2019 1:00 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pupuk Minat Pelajar Sekolah Terhadap Neuro Sains



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

19 MAC 2019 / 12 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PUPUK MINAT PELAJAR SEKOLAH TERHADAP NEURO SAINS



UUM ONLINE: Pertandingan Malaysian Brain-Bee Challenge (MBBC 2019) yang berlangsung di Dewan Tan Sri Othman Yeop (DTSO), UUM berhasrat melahirkan ramai pelajar yang menceburi bidang sains khususnya perubatan dalam bidang otak dan saraf (neurologi).

Penyelaras MBBC, Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim berkata, objektif utama pertandingan ini untuk mencari calon terbaik mewakili Malaysia ke International Brain Bee Challenge (IBB) tahun ini di Daegu Korea Selatan pada 18 – 21 September nanti.

Menurutnya yang juga Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), penganjuran ini adalah salah satu langkah untuk memupuk minat pelajar sekolah dalam bidang sains khususnya neuro sains.

Malah katanya, program ini selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membudayakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi meningkatkan bilangan pelajar yang meminati bidang sains sebagai pemangkin ke arah menjadi negara maju.

“Pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan apabila seramai 205 peserta dari 30 sekolah menengah menyertai ujian saringan zon utara,” ujarinya dalam program anjuran SEML dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan.

Malaysian Brain-Bee Challenge dijalankan serentak di 16 lokasi seluruh Malaysia seperti Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

“Kenapa saya mahu Zon Utara terlibat walaupun UUM tidak mempunyai pusat pengajian perubatan atau sains? Ini kerana usaha ini sebagai wadah inspirasi untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berminat menceburi bidang sains khususnya perubatan dalam bidang neurologi.

Mengulas detik awal, pertemuannya dengan Pakar Neurologi di USM Kubang Kerian, Dato Prof. Dr. Jafri Malin sewaktu menghadiri International Congress of Psychology di Cape Town, Afrika pada 2012 merintis jalan.

Dari situ beliau mula mengendalikan MBBC di UUM bermula pada 2014 dan kini Zon A melibatkan sekolah di Kedah dan Perlis.

Beliau turut menubuhkan Kelab Neurosains di beberapa sekolah di daerah Kubang Pasu iaitu Sekolah Menengah Jitra, sekolah Menengah Seri Mahawangsa dan dua sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Sultan Ahmad Tajuddin, Sekolah Kebangsaan Paya Kemunting (SMJ, SMSM, SKSAT dan SKPK) dalam usaha memupuk minat pelajar dari kecil dengan menjinakkan pemikir, doktor dan saintis muda.

“Terkini, Latihan dalam Perkhidmatan Pembelajaran Abad Ke 21 – Neuro akan berlangsung pada 20 Mac 2019 di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kubang Pasu yang mendedahkan bagaimana aktiviti dijalankan untuk pelajar memahami tentang neurosains melalui aktiviti yang menggalakkan pemikiran kreatif dan kritikal,” kongsinya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender

or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.